

06 MAR 1999

Sabah-Mulok

ISU PENYERAHAN LABUAN SOAL LAPUK

LABUAN, 6 Mac (Bernama) -- Isu pembangkang mengenai penyerahan Labuan kepada kerajaan pusat adalah soal lapuk kerana telah terbukti pulau itu berjaya membangun secara berterusan di bawah pentadbiran kerajaan Barisan Nasional (BN), kata Anggota Parlimen Labuan Datuk Abdul Mulok Awang Damit.

Beliau berkata parti pembangkang tidak wajar membangkitkan isu Labuan yang dibentuk menjadi Wilayah Persekutuan pada 1984 kerana rakyat Labuan sendiri tidak pernah membangkitkan soal itu.

"Jadi perkara itu tidak sepatutnya ditimbulkan kecualilah jika rakyat tidak berpuas hati," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Sebaliknya, kata Abdul Mulok, penduduk Labuan berterima kasih terhadap usaha kerajaan pusat yang berjaya melaksanakan pelbagai pembangunan serta menyediakan pentadbiran yang cekap.

"Ini petanda kesungguhan BN bagi membangunkan Labuan," kata beliau selepas mengiringi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang melawat pulau itu hari ini.

Abdul Mulok berkata rakyat Labuan berpuas hati dengan pelaksanaan pembangunan di pulau itu kerana ia sentiasa mendapat perhatian utama kerajaan pusat.

Timbalan Ketua Umno Bahagian Labuan Datuk Mohamad Omar Bledram berkata kedudukan Umno di Sabah kian kukuh berbanding dahulu kerana ahli-ahlinya kini lebih faham mengenai perjuangan parti itu.

-- BERNAMA

MK MAI